

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 16 FEBRUARI 2016 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	MOSTI anjur pertandingan cipta logo, slogan, lagu sempena Pengkomersialan Malaysia 2016	Utusan Malaysia
2.	Ekspedisi penyelidikan saintifik Malaysia ke Antartika berjaya	Astro Awani
3.	Misi penyelidik Malaysia ke Antartika berjaya	MStar

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN BIZ) : MUKA SURAT 19
TARIKH : 16 FEBRUARI 2016 (SELASA)

MOSTI anjur pertandingan cipta logo, slogan, lagu sempena Pengkomersialan Malaysia 2016

KUALA LUMPUR 15 Feb. - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menganjurkan Pertandingan Mencipta Logo, Slogan dan Lagu bersempena dengan Tahun Pengkomersialan Malaysia 2016.

Menurut kenyataan Mosti, penyertaan itu dibuka mulai 11 Februari lalu hingga 29 Februari ini.

Semua rakyat Malaysia berumur 18 tahun ke atas sama boleh me-



nyertai pertandingan itu sama ada secara solo atau berkumpulan. Penyertaan adalah percuma.

Mosti menawarkan hadiah wang

tunai RM3,000 kepada juara mencipta logo, RM2,000 kepada juara mencipta slogan dan RM5,000 kepada juara mencipta lagu.

Selain itu, terdapat dua hadiah saguhati sebanyak RM500 untuk setiap kategori itu.

Syarat dan borang penyertaan boleh dimuat turun daripada laman web Mosti www.mosti.gov.my.

- BERNAMA



Ekspedisi penyelidikan saintifik Malaysia ke Antartika berjaya

SEPANG: Lapan peserta yang menyertai Ekspedisi Penyelidikan Saintifik Malaysia ke Antartika telah selamat sampai di tanah air pada petang Ahad.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata, beberapa matlamat kementeriannya sudah dicapai melalui ekspedisi ini.

"Mereka membawa pulang penyelidikan dari segi saintifik yang sangat besar dan saya nampak sebahagian daripada penyelidikan termasuk mengenai perubahan iklim yang ada kaitannya dengan pemanasan global dan sebagainya," katanya dalam sidang media menyambut kepulangan peserta Ekspedisi Penyelidikan Saintifik Malaysia ke Antartika.

Sementara itu, menurut ketua ekspedisi berkenaan, Dr Mohamad Huzaimy Jusoh ada sampel yang sudah dianalisa di Antartika dan selebihnya akan dianalisa di sini.

"Sasaran penyelidikan kami yang ingin membuat kajian di lapan stesen di sana berjaya dan kami membawa pulang hasil kajian yang kami rasakan sangat signifikan dalam bidang biologi, kimia dan kejuruteraan," katanya.

Dr Mohd Huzaimy juga berkata, kesemua hasil kajian yang mereka lakukan akan dilaporkan kepada umum kurang daripada setahun.

Beliau juga berkata, mereka akan kumpulkan segala hasil kajian untuk memberi manfaat kepada rakyat Malaysia sekali gus mengharumkan nama negara di mata dunia.

Antara sampel yang dibawa pulang dari Antartika ke Malaysia adalah air, alga, sedimen, lumut, batuan, invertebrat dalam lautan, debunga, tanah selain merekodkan bacaan gas rumah hijau dalam udara serta data geomagnetik.

Kelapan peserta merupakan pensyarah daripada universiti tempatan iaitu Dr Mohamad Huzaimy Jusoh, Universiti Teknologi MARA (UiTM); Dr Mohd Shahrul Mohd Nadzir dan Dr Gog Thian Lai, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); Dr Emienour Muzalina

Mustafa, Universiti Malaya (UM); Aniqah Zulfa Abdul Latif, Universiti Antarabangsa Perubatan Malaysia (IMU); Dr Foong Swee Yeok, Universiti Sains Malaysia (USM) dan Dr Wan Mohd Rauhan Wan Hussin, Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Ekspedisi ini di bawah Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).



Misi Penyelidik Malaysia Ke Antartika Berjaya



Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah menyambut kepulangan para peserta Ekspedisi Penyelidikan Antartika Malaysia 2016 di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Ahad. -fotoBERNAMA

SEPANG: Sekumpulan lapan penyelidik dari enam universiti awam dan swasta yang menyertai Penyelidikan Saintifik Malaysia ke Antartika 2016 berjaya mencapai matlamatnya dengan membawa pulang lebih 200 sampel dari benua itu.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata para penyelidik itu telah mengumpulkan sampel air, alga, sedimen, lumut, batuan, haiwan tidak bertulang belakang dalam lautan, debunga dan tanah.

Beliau berkata kumpulan pensyarah itu juga merekodkan bacaan gas rumah hijau dalam udara serta data geomagnetik sepanjang pelayaran saintifik selama 22 hari ke benua Antartika bermula 18 Januari lepas.

"Sampel-sampel dan bacaan yang direkodkan adalah untuk beberapa kajian-kajian saintifik yang berhubung kait antara Antartika, biodiversiti dan perubahan iklim, dengan

penekanan kepada kajian gas rumah hijau dan lapisan ozon," katanya.

Abu Bakar berkata demikian selepas menyambut kepulangan penyelidik-penyelidik berkenaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini hari ini.

Program 'Ekspedisi Penyelidikan Antartika Malaysia 2016' dengan kos RM450,000 merupakan penjelajahan pertama dibiayai geran penyelidikan **Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM)** ke benua berkenaan dan mendapat kerjasama **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)**.

Menurut Abu Bakar, hasil kajian-kajian ini akan dapat menyumbang kepada penjaan ilmu dan pengetahuan baharu yang boleh membantu masyarakat tempatan dan global untuk lebih memahami fenomena perubahan iklim.

Katanya, kajian dijalankan di Antartika kerana wilayah polar merupakan kawasan yang amat sesuai untuk pemantauan perubahan iklim disebabkan kadar pemanasan di wilayah ini adalah lebih tinggi dibandingkan dengan kawasan-kawasan lain di dunia.

"Penemuan dari penyelidikan oleh kumpulan penyelidik ini akan dibentangkan pada Persidangan Sains Jawatankuasa Saintifik Penyelidikan Antartika (SCAR) 2016 yang berlangsung pada Ogos nanti," katanya.

Sementara itu, Ketua Ekspedisi yang juga Pensyarah Kanan Fakulti Kejuruteraan Elektrik Universiti Teknologi Mara (UiTM) Dr Mohamad Huzaimy Jusoh berkata ekspedisi ini sangat mencabar kerana mereka terpaksa berdepan dengan ombak setinggi enam meter dan angin kencang dengan kelajuan sehingga 80 kilometer sejam.

"Oleh itu, para peserta yang telah berlepas dari Pelabuhan Ushuaia di Argentina pada 18 Jan terpaksa membuat pusingan balik akibat cuaca buruk dan angin kencang sebelum sempat melalui Drake Passage.

"Angin kencang dan ombak kuat, (menyebabkan) kapal layar Yacht Atralis milik Australia hanya boleh bergerak pada kelajuan 20 kilometer sejam dan membuatkan kami hanya terbaring. Kami hanya makan snek dan mengambil wuduk dalam posisi baring," katanya.

Dr Mohamad Huzaimy berkata kumpulan ekspedisi kemudiannya memulakan pelayaran semula ke Antartika pada 22 Jan dan cubaan kali kedua telah selamat membawa mereka tiba di benua berais.

"Semasa di Antartika, mereka sempat singgah di Stesen Penyelidikan King Sejong milik Korea Selatan yang terletak di Pulau King George," katanya.

Antara tapak-tapak persampelan sepanjang ekspedisi ini ialah Pulau Greenwich, Pulau Deception, Pulau Darboux, Pantai Danco, Teluk Paradise, Pulau Enterprise dan Pulau Trinity, katanya.

"Kesemua penyelidik dan saintis yang terlibat membawa kajian masing-masing dan saya (mengambil) sampel di lapan lokasi bagi kajian magnet bumi dan elektromagnetik di Kutub Utara dan Kutub Selatan," katanya.